

Syarikat reka bentuk diserbu

Shah Alam: Sebuah syarikat reka bentuk dala- man diserbu Kementeri- an Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor, semalam, sele- pas dipercayai memiliki perisian AutoCad salinan langgaran.

Pengarahnya, Muham- mad Zikril Azan Abdullah berkata, serbuan terha- dap premis di Pusat Per- niagaan Bestari, Taman Perindustrian Air Hitam, Klang itu dilakukan se- lepas menerima aduan daripada wakil hak cipta.

“Operasi dijalankan jam 12 tengah hari dan diketuai pegawai KPD- NHEP, Azri Mohamed Ar- mia. Turut menyertai wa- kil pemilik hak cipta pe- risian itu.

“Kami memeriksa 11 komputer di premis itu mendapati hanya dua komputer yang ada pe- risian salinan langgaran iaitu perisian AutoCad,” katanya dalam satu ke- nyataan, semalam.

Beliau berkata, KPD- NHEP kemudian bertin- dak menyita dua set kom- puter lengkap yang ber- nilai RM6,000 itu.